

01 MAR 1997

KUMPULAN LION MENYAMPAIKAN PENGHARGAAN KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Kumpulan Syarikat Lion hari ini melahirkan penghargaan mereka kepada Perdana Menteri Seri Dr Mahathir Mohamad melalui poster yang menunjukkan zaman awal beliau sebagai Perdana Menteri.

Isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali juga menerima poster yang lebih kurang sama daripada pekerja-pekerja wanita syarikat itu sebagai menghargai peranan beliau sebagai isteri yang sentiasa berada disisi suaminya.

Dr Siti Hasmah menerima kedua-dua poster itu daripada isteri Pengerusi Kumpulan Lion, Puan Sri Chelsia Cheng di majlis penghargaan sempena ulang tahun ke 15 kepimpinan Dr Mahathir.

Penghargaan kepada Dr Mahathir itu datang dalam bentuk poster bersaiz 1.5 x 0.9 meter dengan rangka besi seberat 100 kg, dengan tajuk utama "Kami bangga menjadi rakyat Malaysia di bawah pimpinan YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad".

Poster itu terdiri daripada keratan akhbar mengenai Perdana Menteri bermula tahun 1981 yang membayangkan usaha gigih beliau dalam memajukan negara dan juga perutusan dan tandatangan daripada kakitangan kumpulan itu.

Dr Siti Hasmah juga menerima perutusan dan tandatangan dalam posternya yang menunjukkan keratan-keratan akhbar mengenai peranan beliau sejak 1981.

Ia memaparkan tajuk "Yang sering berada di belakang suami dalam mencapai sesuatu kejayaan bukan wanita tetapi isteri," satu petikan daripada Dr Siti Hasmah sendiri yang disiarkan dalam akhbar tempatan.

Antara mereka yang hadir menyaksikan majlis itu ialah Pengarah-pengarah eksekutif Kumpulan Lion Datuk Albert Cheng dan Tan Onn Poh. -- BERNAMA

HAK PR